

## **Sindiket seludup heroin RM8.4j dalam perabot tumpas**

Posted on January 28, 2015, Wednesday

SHAH ALAM: Polis menumpaskan satu sindiket menyeludup 56 kilogram dadah jenis heroin bernilai RM8.4 juta yang disorok dalam perabot dari Pakistan dengan penahanan 13 individu dalam dua serbuan di Semenyih, Sabtu lepas.

Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim berkata modus ope-randi suspek yang didalangi sindiket warga Pakistan itu adalah dengan menyorokkan dadah berkenaan di ruangan khas pada struktur pelbagai jenis perabot kayu ketika ia dipasang di kilang negara tersebut.

Perabot itu kemudiannya dihantar ke Malaysia menerusi prosedur biasa mengguna-kan kontena bagi mengaburi mata pihak berkuasa, katanya kepada pemberita di sini semalam.

Katanya, serbuan pertama pada jam 1.30 pagi di sebuah kedai dua tingkat menjumpai kesemua dadah itu yang di-sembenyikan di dalam empat almari kayu hasil pemeriksaan ke atas 72 perabot import pelbagai jenis.

Noor Rashid berkata dalam serbuan itu, 11 individu iaitu lapan lelaki masing-masing empat warga Pakistan dan Indonesia serta dua lelaki dan seorang wanita warga tempatan, ditahan kerana disyaki terlibat dengan sindiket antarabangsa berkenaan.

“Lanjutan kes pertama, serbuan kedua pada jam 2.15 pagi hari sama di sebuah premis di Bandar Sri Tanjung, Semenyih, menyaksikan polis memberkas dua lagi lelaki Pakistan dipercayai anggota kumpulan itu dan menjumpai sebungkus plastik mengan-dungi bahan dipercayai cathinone (daun khat) seberat 83 gram.

“Kita telah pantau perge-rakan sindiket Pakistan ini kerana dipercayai aktif sejak tahun lepas. Hasil siasatan mendapati sebahagian dadah yang dibawa masuk itu turut disyaki akan diseludup ke Indonesia melalui jalan laut,” kata Noor Rashid.

Tambahnya, polis turut menyita tiga kenderaan jenis Proton Iswara, Proton Persona dan Perodua Kancil yang dipercayai digunakan kumpulan itu, sambil menyatakan suspek warga asing yang ditahan mempunyai pasport antarabangsa yang sah.

Beliau berkata polis percaya masih ada lagi saki-baki anggota sindiket itu bergerak aktif di negara ini dan pihaknya sedang giat menjejaki mereka.

Menurut Noor Rashid, kesemua suspek berumur antara 26 hingga 62 tahun itu direman sehingga Jumaat ini bagi membantu siasatan. — Bernama